



**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(HAL EHWAL AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)**

PENGUMUMAN RASMI

BILANGAN 6 TAHUN 2025

**PINDAAN TARIKH PEPERIKSAAN PROGRAM DIPLOMA SEMESTER PERMULAAN
BAGI SESI AKADEMIK 2025/2026**

Assalamualaikum w.b.t dan selamat sejahtera,

Kepada semua Fakulti/Pusat Pengajian, para pensyarah dan pelajar Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

2. Dimaklumkan bahawa tarikh peperiksaan Program Diploma Semester Permulaan bagi Sesi Akademik 2025/2026 adalah pada 15 hingga 18 September 2025. Walau bagaimanapun, selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri bahawa 15 September 2025 (Isnin) adalah cuti umum sempena Hari Malaysia 2025, maka berlaku pindaan tarikh peperiksaan seperti berikut:

- i. Tarikh asal : 15, 17 & 18 September 2025 (Isnin, Rabu & Khamis)
- ii. Tarikh baharu : 17 hingga 19 September 2025 (Rabu – Jumaat)

3. Pemakluman tarikh cuti umum ini juga terpakai bagi sesi pengkuliahan yang dijadualkan pada tarikh 15 September 2025, di mana semua kuliah pada tarikh tersebut adalah ditangguhkan dan akan dijadualkan semula oleh Fakulti/Pusat Pengajian masing-masing.

4. Segala kerjasama yang diberikan oleh pihak Fakulti/Pusat Pengajian, pensyarah dan pelajar dalam mengambil maklum serta menyelaraskan tindakan berkaitan perkara ini sangatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**Dikeluarkan oleh
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwat Akademik dan Antarabangsa)
27 Ogos 2025**